

**TEKS UCAPAN
DR. MASZLEE BIN MALEK
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PADA MAJLIS ANUGERAH TOKOH SISWA 2017
DI DEWAN ILMU
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS, PERLIS
22 SEPTEMBER 2018 (SABTU), 8.30 MALAM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera.

(Salutasi)

Pendahuluan

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Profesor, tuan-tuan, puan-puan, dan mahasiswa sekalian.

1. Alhamdulillah dan syukur, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017** ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengucapkan syabas dan tahniah** kepada **calon-calon dan pemenang Anugerah Tokoh Siswa 2017** yang akan diumumkan sebentar lagi.
3. Tahniah dan penghargaan juga saya tujukan **kepada Universiti Malaysia Perlis** yang sudi menjadi rumah bagi penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017 dan tidak lupa juga kepada **urus setia penganjur** daripada **Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia**.

Universiti sebagai medan ilmu terbuka

4. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil langkah progresif dengan menjadikan universiti sebagai medan intelektual terbuka. Universiti berpeluang dengan lebih terbuka dalam merealisasikan falsafahnya sebagai medan memperkasa pemikiran tinggi dan menjadi pusat bagi pembinaan idea terbaik kepada pembangunan masyarakat dan negara.
5. Sikap keterbukaan ini memberi kesan positif kepada mahasiswa yang bermanfaat dari kesuburan wacana ilmiah yang digerakkan oleh para akademik di universiti. Penekanan tersebut perlulah berpaksikan kepada objektif, rasional dan produktif serta keterbukaan berhemah demi kelangsungan perpaduan negara.

Anugerah Tokoh Siswa – Ikon dan Duta Kecil

6. Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian, Majlis Anugerah Tokoh Siswa ini diadakan dengan **tujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan** kepada usaha mahasiswa yang telah **menunjukkan kecemerlangan** dalam **pengurusan organisasi** serta **penglibatan dalam program-program kepimpinan dan kesukarelawanan** yang luar biasa selari dengan keperluan masyarakat, ekonomi dan pembangunan masa kini.
7. Pemilihan Tokoh Siswa pada hari ini menunjukkan hasrat kementerian agar mahasiswa cemerlang ini terus menjadi **ikon dan duta kecil kepada** semua lapisan masyarakat – daripada peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat antarabangsa.
8. Saya difahamkan bahawa pemilihan anugerah ini telah dilaksanakan dengan teliti menggunakan penanda aras yang tinggi.
9. Saya dimaklumkan bahawa tokoh siswa yang berada di sini terdiri dari mahasiswa yang memperoleh CGPA 3.0 dan ke atas serta mempunyai keperibadian dan sahsiah diri yang tinggi.

10. Kadar keterlibatan Tokoh Siswa dalam sesuatu program turut diukur beserta tahap impak pelaksanaan program atau sumbangan mereka terhadap masyarakat.
11. Syarat-syarat ini diletakkan sedemikian rupa bagi memastikan tokoh yang dipilih pada hari ini adalah seorang tokoh yang mempunyai ciri-ciri personaliti unggul (***towering personality***) mewakili IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Harapan

12. Dengan wujudnya pengiktirafan yang tinggi seumpama ini, saya menyarankan agar mahasiswa merebut peluang, menggunakan waktusemasa berada di universiti sebaik mungkin untuk melakukan yang terbaik dan terus mempelbagaikan platform dalam memberi sumbangan secara proaktif kepada masyarakat dan negara amnya.
13. **Berikanlah sumbangan optimum** dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dan pada masa yang sama meneruskan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik.
14. Masyarakat akan sentiasa menilai kualiti graduan yang dihasilkan oleh pendidikan tinggi negara.
15. Penilaian ini secara tidak langsung menggambarkan kualiti diri saudara-saudari sebagai seorang pemimpin. Maka, adalah wajar saudara-saudarilah yang akan mencorakkan diri masing-masing untuk menjadi pemimpin negara di masa hadapan.
16. Dengan slogan *love, happiness* dan *mutual respect*, yang sering tekankan, saya berharap agar mahasiswa juga mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian di kampus.

Penutup

17. Sebelum saya berundur diri, kepada yang menang saya ucapkan tahniah dan teruskan khidmat bakti agar menjadi ikon negara yang hebat. Kepada yang tidak menang, teruskan usaha. Semoga satu hari nanti anda juga berpeluang memiliki anugerah berprestij ini.

18. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini akan terus mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang anda telah tunjukkan selama ini, dan terus mendokong usaha kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat. Jadilah ikon yang bernilai untuk mahasiswa, masyarakat dan negara.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalam Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.